

Headline	PENDIDIKAN ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	731 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 28,687
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,061



# PENDIDIKAN ALAM

*Lebih 100 peserta dari dalam dan luar negara kongsi pengalaman*

Oleh Mohamad Hussin

mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan Sabah menganjurkan Persidangan 'Best of Both Worlds 2015' (BoBW) yang ketujuh mengenai Pendidikan Alam (EE) di Rainforest Discovery Centre (RDC) di Sepilok, Sandakan, Sabah, baru-baru ini.

Persidangan bertemakan 'Ensuring Effective Delivery for a Sustainable Future' dihadiri lebih 100 peserta dari dalam dan luar negara.

Program pendidikan alam yang berimpak amat diperlukan bagi membentuk generasi muda supaya bertanggungjawab bagi memastikan pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar.

BoBW mendapat sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan (IUFRO).

Peserta terdiri daripada pengamal EE, pengajar, pengurus taman dan kawasan rekreasi, ahli akademik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak kepentingan serta mereka yang berminat dalam bidang EE dari pelbagai negara termasuk Afrika Selatan, Brazil, Australia, Amerika Syarikat

dan Nepal.

Objektif persidangan ini untuk mengkaji semula pencapaian EE dan impaknya terhadap pemuliharaan serta kelestarian kepelbagaiannya biologi, berkongsi kaedah berkesan untuk perlaksanaan EE.

Selain itu, ia juga dapat mengumpul maklumat sebagai input kepada polisi kebangsaan yang berkesan dan mewujudkan rangkaian perhubungan serta usaha sama dalam kalangan peserta dari pelbagai negara.

Seramai 12 penceramah berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka antaranya Callie Loubser dari Universiti Africa Selatan (UNISA), Patricia C Silva Leme (Universiti Sao Paulo, Brazil), Hum Gurung (Himalayan Sustainable Future Foundation Kathmandu, Nepal), Kevin Todd (Universiti Sunshine Coast, Australia) dan Bernadette D Joeman (Jabatan Perhutanan Sabah).

Program persidangan merangkumi penyampaian ucaptama, pembentangan lisan, pameran poster serta sesi bengkel secara serentak.

Majlis perasmian disempurnakan Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah Dr Sam

Mannan.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM Dr Ismail Harun serta Ketua Program Eko-tourism dan Hutan FRIM merangkap Pengurusi BoBW, Dr Noor Azlin Yahya.

Ismail berkata, persidangan itu menjadi landasan terbaik bagi mencapai kata sepakat dan penyelesaian yang baik untuk meningkatkan EE di negara ini.

Katanya, melalui idea dan interaksi dengan pakar antarabangsa, negara ini bakal mendapat manfaat dari segi peningkatan dalam pelaksanaan EE seterusnya membantu ke arah kehidupan yang lebih mampan.

"Ia juga untuk berkongsi kaedah berkesan untuk pelaksanaan EE, mengumpul maklumat sebagai input kepada polisi kebangsaan yang berkesan.

"Selain mewujudkan rangkaian perhubungan dan usaha sama dalam kalangan peserta dari pelbagai negara," katanya.

Ismail berkata, kehadiran peserta antarabangsa menunjukkan kerjasama antara Afrika Selatan, Malaysia dan Brazil menjadi satu cara yang berkesan untuk menarik pakar dari

seluruh dunia.

"EE bakal memberi manfaat kepada negara kerana melalui pusat pemuliharaan dan taman alam semula jadi, ia mampu menjadi tarikan kepada pelancong asing.

"Kita perlu belajar antara satu sama lain berkenaan cara terbaik yang perlu diamalkan bagi mencapai objektif persidangan," katanya.

Persidangan BoBW yang pertama diadakan di Afrika Selatan pada 1998.

Justeru terdapat kepentingan bersama dalam pendidikan alam sekitar dan pemuliharaan warisan biodiversiti kedua-dua negara.

Ini kerana UNISA serta FRIM sudah bersetuju untuk menganjurkan persidangan ini secara bersilih ganti di antara kedua-dua negara untuk tujuan perkongsian dan pembelajaran satu sama lain.

Pada 2014, dengan penyertaan Universiti Sao Paulo, persidangan ini diajukan buat kali pertamanya di Brazil.

Tahun ini, negara kita menjadi tuan rumah BoBW2015 dan ia memberi penekanan kepada kaedah-kaedah berkesan untuk memastikan kelestarian amalan EE.

Headline	PENDIDIKAN ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	731 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 28,687
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,061



**DR Sam memukul gong tanda perasmian Persidangan 'Best of Both Worlds 2015' (BoBW) sambil diperhatikan Dr Ismail.**

FOTO: MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN




**PESERTA** bergambar kenangan.



**DR Noor Azlin**

Headline	PENDIDIKAN ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	731 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 28,687
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,061



ANTARA ahli panel dari Malaysia yang membentangkan kertas kerja



SEBAHAGIAN peserta dalam dan luar negara yang mengambil bahagian.